

**PENCALONAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN TENAGA PENGAJAR
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BAGI KURSUS PERINGKAT PH.D DAN
SARJANA SESI 2008/2009**

Tawaran adalah dibuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang sedang berkhidmat di Politeknik dan Kolej Komuniti, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan PhD sesi pengajian 2008/2009 bagi pengajian di dalam dan luar negara. Tawaran juga dibuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah di Kementerian Pengajian Tinggi dan bidang-bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran "A"**.

1. SYARAT DAN KRITERIA

1.1 Syarat Umum

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus pasca ijazah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

1.2 Syarat Khusus

1.2.1 Kursus di peringkat Ph.D dan Sarjana

- (i) Telah **disahkan dalam perkhidmatan** pada tarikh tutup permohonan;
- (ii) Berumur tidak melebihi **40 tahun** pada 1 Januari 2008;
- (iii) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda (pencapaian CGPA minimum 2.5)** bagi pengajian peringkat **Sarjana** dan **Ijazah Sarjana** bagi pengajian peringkat **PhD**;
- (iv) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 (jika berkenaan):

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka pendek di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara mestilah melepasi genap satu tahun tamat kursus jangka pendek berkenaan;

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka panjang di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara mestilah melepasi genap dua tahun tamat kursus jangka panjang berkenaan;

- (v) Mencapai **Gred A** dalam **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (purata minimum 85 markah)** bagi tempoh **3 tahun berturut-turut (2003, 2004 & 2005 atau 2004, 2005 & 2006)**;
- (vi) Bersih daripada pertuduhan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (vii) Telah mengisytiharkan harta; dan
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran PTPTN/JPA.

1.2.2 Permohonan Pengajian di Luar Negara

- * (i) Telah lulus ujian Bahasa Inggeris skor minimum sama ada **TOEFL 580 (Paper-Based)**, **240 (Computer-Based)** atau **92 (Internet-Based)** atau **IELTS 6.0**. Syarat ini adalah untuk kemasukan ke semua universiti luar negara termasuk universiti yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Hanya ujian yang diambil pada atau selepas tahun 2006 sahaja diambilkira bagi tujuan ini;
- * (ii) Telah menerima tawaran tempat pengajian daripada universiti terkemuka, bagi **United Kingdom** sekurang – kurangnya bertaraf **4A ke atas (RAE Report)** dan bagi **USA** bertaraf **'very competitive'** atau **'highly competitive'** (**Barron's Profile**). Bagi negara – negara lain, sistem penarafan yang hampir sama juga digunakan; dan
- * (iii) Telah lulus Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara.

- * **Calon tidak dibenarkan mengemukakan rayuan untuk melonggarkan syarat-syarat di atas. Rayuan sedemikian tidak akan diproses oleh Kementerian ini. Walaubagaimanapun, calon boleh menduduki ujian Bahasa Inggeris, mendapatkan tempat pengajian dan mengikuti Kursus Khas Kenegaraan setelah berjaya ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan oleh Kementerian ini.**

2. TATACARA PERMOHONAN

- 2.1 Calon-calon yang berminat hendaklah mengisi borang **KPT(Bs)LDP1/05** dengan menyertakan bersama-sama:
 - (i) Salinan ijazah pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/CGPA atau kelulusan yang setaraf dengannya;
 - (ii) Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/CGPA;
 - (iii) Surat dari Ketua Jabatan yang mengesahkan markah-markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan bagi tahun 2003, 2004 & 2005 ataupun 2004, 2005 & 2006;
 - (iv) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon-calon yang telah berkeluarga); dan
 - (v) Salinan keputusan TOEFL atau IELTS dan lain-lain dokumen sokongan seperti Sijil Khidmat Cemerlang, Sijil Penghargaan dan sebagainya (sekiranya ada).
- 2.2 Semua salinan dokumen yang dikemukakan hendaklah disahkan oleh pegawai kerajaan yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf atau yang lebih tinggi.
- 2.3 Pemilihan calon-calon hendaklah dibuat melalui Urusetia Pemilihan, Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti. **Pencalonan tanpa melalui Panel Pemilihan tidak akan dipertimbangkan permohonannya.**
- 2.4 **Tarikh tutup permohonan adalah pada 28 September 2007.**
- 2.5 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

**Bahagian Latihan dan Kerjaya
Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 4 Blok E14 Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62505 PUTRAJAYA**

Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi

LAMPIRAN A

Senarai bidang-bidang yang ditawarkan di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Tenaga Pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti Sesi 2008/2009.

A. Peringkat Ijazah Kedoktoran (Ph.D)

1) Kejuruteraan Awam :

- i) Pembinaan**
- ii) Struktur**
- iii) Hidraulik**
- iv) Lebuhraya**
- v) Geoteknik / Geologi**
- vi) Ukur bahan**
- vii) Ukur tanah**

2) Kejuruteraan Mekanikal :

- i) Mekanikal Automatif**
- ii) Mekatronik**
- iii) Pembuatan**
- iv) Kejuruteraan Aeroangkasa**

3) Kejuruteraan Elektrik (Kuasa, Perhubungan, Kawalan dan Pengautomatan) :

- i) Kejuruteraan Elektronik**
- ii) Kejuruteraan Elektronik Perubatan**
- iii) Kejuruteraan Perisian**

4) Kejuruteraan Perkapalan

5) Senibina

6) Hospitaliti / Pelancongan

7) Perdagangan :

- i) Perakaunan**
- ii) Pemasaran**
- iii) Perniagaan Antarabangsa**
- iv) Pengurusan Runcit**
- v) e-Commerce**
- vi) Logistik**

- 8) Teknologi Makanan**
- 9) Reka Bentuk Industri**
- 10) Reka Bentuk Grafik**
- 11) Pendidikan Teknik & Vokasional**
- 12) TESL**
- 13) Pengajian Islam**
- 14) Kaunseling**
- 15) Pengurusan Perniagaan / Organisasi**

B. Peringkat Sarjana

1) Kejuruteraan Awam :

- i) Pembinaan**
- ii) Struktur**
- iii) Hidraulik**
- iv) Lebuhraya**
- v) Geoteknik / Geologi**
- vi) Ukur bahan**
- vii) Ukur tanah**

2) Kejuruteraan Mekanikal :

- i) Mekanikal Automatif**
- ii) Mekatronik**
- iii) Pembuatan**
- iv) Kejuruteraan Aeroangkasa**
- v) Penyaman Udara**

3) Kejuruteraan Elektrik (Kuasa, Perhubungan) :

- i) Kejuruteraan Elektronik**
- ii) Kejuruteraan Elektronik Perubatan**
- iii) Kejuruteraan Perisian**
- iv) Kejuruteraan Elektrik (Kawalan dan Pengautomatan)**

4) Kejuruteraan Perkapalan

5) Kejuruteraan Kimia / Petroleum

6) Senibina

7) Hospitaliti / Pelancongan

8) Perdagangan :

- i) Perakaunan**
- ii) Pemasaran**
- iii) Perniagaan Antarabangsa**
- iv) Pengurusan Runcit**
- v) e-Commerce**
- vi) Logistik**

9) Teknologi Makanan

10) Reka Bentuk industri

- 11) Reka Bentuk Grafik**
- 12) Rekaan Fesyen dan Pakaian**
- 13) Media Digital (Animasi, Pengiklanan, Grafik)**
- 14) Pendidikan Teknik & Vokasional**
- 15) TESL**
- 16) Pengajian Islam**
- 17) Kaunseling**
- 18) Pengurusan Perniagaan / Organisasi**